



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Profesional dan
Pendidikan Berterusan
(UTMSPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 1 – SESSION 2016 / 2017
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDSE 0063 / DSE 0063
KOD KURSUS

COURSE NAME : PRINCIPLES OF ECONOMICS /
NAMA KURSUS PRINSIP EKONOMI

YEAR / PROGRAMME : ENRICHMENT /
TAHUN / PROGRAM PENGUKUHAN

DURATION : 2 HOURS / 2 JAM
TEMPOH

DATE : OCTOBER 2016
TARIKH

INSTRUCTION/ARAHAN :

Answer **ALL** question in the booklets provided .
*Jawab **SEMUA** soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.*

(You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script)
(*Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan*)

| | | |
|-----------------------------------|---|-------|
| NAME / NAMA | : | |
| I.C NO. / NO. K/PENGENALAN | : | |
| YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS | : | |
| COLLEGE NAME NAMA KOLEJ | : | |
| LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH | : | |

This examination paper consists of ...4... pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi4..... muka surat termasuk kulit hadapan

ANSWER FOUR (4) QUESTIONS ONLY
[JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA.]

(100 MARKS / MARKAH)

- Q1. (a) Jelaskan hubungan di antara harga dan kuantiti permintaan dengan menggunakan jadual dan keluk permintaan. (5m)
- (b) Selain daripada harga barang itu sendiri terangkan lima (5) faktor lain yang menentukan permintaan. (10m)
- (c) Jelaskan keanjalan harga permintaan yang berikut:
- i. Anjal harga permintaan.
 - ii. Tidak anjal harga permintaan. (10m)

- Q2. (a) Terangkan perbezaan kos tetap dan kos berubah dalam proses pengeluaran. (10m)
- (b) Jadual di bawah menunjukkan Kos Pengeluaran Firma Dalam Jangka Pendek. Lengkapkan jadual di bawah dan terangkan hubungan di antara tingkat keluaran dengan kos purata dan kos marginal.

| Keluaran (unit) | Jumlah Kos (RM) | Kos Purata (RM) | Kos Marginal (RM) |
|-----------------|-----------------|-----------------|-------------------|
| 0 | 100 | | |
| 2 | 126 | | |
| 4 | 138 | | |
| 6 | 157 | | |
| 8 | 192 | | |
| 10 | 260 | | |

(15m)

- Q3. (a) "Struktur ekonomi negara kini mengalami perubahan daripada sektor utama kepada sektor perindustrian."
- i. Mengapakah perubahan tersebut perlu dalam struktur ekonomi negara? (8m)
 - ii. Terangkan strategi yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan peranan sektor perindustrian. (7m)
- (b) Terangkan perbezaan di antara cukai langsung dengan cukai tidak langsung. (10m)

- Q4. (a) Negara-negara yang menjalankan perdagangan antarabangsa lazimnya akan mengenakan sekatan-sekatan terhadap barang import dan eksport. Huraikan kepentingan sekatan-sekatan perdagangan antarabangsa kepada sesebuah negara. (15m)
- (b) Nyatakan jenis-jenis sekatan perdagangan antarabangsa dan kesannya kepada ekonomi Malaysia. (10m)
- Q5. (a) Terdapat beberapa akaun di dalam imbangan pembayaran Malaysia. Jelaskan akaun semasa yang terkandung di dalam imbangan pembayaran Malaysia. (10m)
- (b) Mengapakah imbangan akaun dagangan lebihan berlaku? Jelaskan cara-cara untuk menambahkan lagi lebihan itu. (15m)

Q6.

JAWATAN KOSONG

(1) OPERATOR PENGELUARAN (RM600)
(2) KERANI AKAUN (RM1200)

Syarikat kami menawarkan gaji pokok yang lumayan dan faedah sampingan yang menarik. Calon-calon yang berminat sila hadirkan diri untuk temu duga terbuka di alamat berikut:

ZAS Sendirian Berhad
Wisma ZAS, 111-113, Jalan Perdana 8, Damansara,
88100, Kuala Lumpur.

- (a) Berdasarkan iklan di atas, jelaskan mengapakah wujudnya perbezaan upah untuk jawatan (1) dengan jawatan (2)? (8m)
- (b) Berikan contoh-contoh faedah sampingan yang mungkin disediakan oleh ZAS Sendirian Berhad. (7m)
- (c) Apakah upah benar? Bagaimanakah perubahan harga purata mempengaruhi upah benar seseorang? (10m)